



27 Mac 2019  
27 March 2019  
P.U. (B) 155

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

NOTIS DI BAWAH SEKSYEN 70

*NOTICE UNDER SECTION 70*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

## AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

## NOTIS DI BAWAH SEKSYEN 70

Menteri Kerja Raya bercadang untuk membuat suatu perintah di bawah seksyen 70 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], yang kesannya akan melarang pemanduan atau penggunaan kenderaan bermotor dan jentera bergerak yang mempunyai berat tanpa muatan lima ribu kilogram dan lebih (“kenderaan berat”), di atas bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, pada hari dan masa yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama, berkuat kuasa mulai 12 April 2019.


Pengecualian daripada larangan itu hendaklah diberikan bagi maksud dan dalam hal keadaan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

Bantahan terhadap cadangan itu, jika ada, mestilah dihantar secara bertulis kepada Pengarah Cawangan Senggara Fasiliti pada atau sebelum 5 April 2019 di Blok D, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur.

## JADUAL PERTAMA

(1)	(2)
<i>Jalan yang baginya Larangan Terpakai</i>	<i>Hari dan Tarikh Larangan</i>
Sebahagian Laluan 17, Jalan Pelabuhan Pasir Gudang dari koordinat U 1.491637, T 103.67526 hingga koordinat U 1.462949, T 103.888095	Tiap-tiap hari (kecuali hari kelepasan am)  Pagi : 7.00 pagi hingga 9.00 pagi  Petang : 5.00 petang hingga 7.00 petang

JADUAL KEDUA



JADUAL KETIGA  
PENGEQUALIAN

1. Bagi maksud penyelenggaraan, pembaikan, peningkatan, pembersihan dan pemugaran bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama.
2. Bagi maksud pemacakan, pemasangan, penyelenggaraan, perubahan atau pengalihan mana-mana struktur, kerja, peralatan atau apa-apa benda di dalam, pada, di bawah atau di atas bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama.
3. Bagi maksud diangkut di atas kenderaan selain kenderaan berat.
4. Bagi maksud perkhidmatan kecemasan dan penguatkuasaan oleh agensi Kerajaan dan pihak berkuasa tempatan.
5. Bagi maksud pemeriksaan, pembuangan dan penghantaran sisa domestik oleh kenderaan berat seperti lori sampah, lori pembersihan pembentungan dan lori vakum pembentungan.
6. Jika disebabkan oleh suatu kecemasan, termasuk banjir, penggunaan mana-mana jalan (yang bukannya bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama) oleh sesuatu kenderaan berat menjadi mustahil atau tidak sesuai, Pegawai yang Menjaga Daerah Polis yang berkenaan boleh, setakat sebagaimana yang difikirkannya perlu, membenarkan kenderaan berat itu untuk menggunakan bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama sebagai jalan alternatif bagi tempoh yang dalamnya penggunaan jalan (yang bukannya bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama) oleh kenderaan berat itu berterusan menjadi mustahil atau tidak sesuai.

Bertarikh 27 Mac 2019  
[KKR.PUU.110-1/6/15 Jld.4; PN(PU2)460/C]

BARU BIAN  
*Menteri Kerja Raya*

## ROAD TRANSPORT ACT 1987

## NOTICE UNDER SECTION 70

The Minister of Works proposes to make an order under section 70 of the Road Transport Act 1987 [Act 333], the effect of which will be to prohibit the driving or use of motor vehicles and mobile machineries with the unladen weight of five thousand kilogrammes and more ("heavy vehicles"), on the part of the road specified in column (1) of the First Schedule as shown on the map in the Second Schedule, on the day and time specified in column (2) of the First Schedule, with effect from 12 April 2019.


Exemption from such prohibition shall be given for the purposes and in circumstances specified in the Third Schedule.

Objections to the proposal, if any, must be sent in writing to the Director of the Road Facilities Maintenance Branch on or before 5 April 2019 at Block D, Public Works Department Malaysia Headquarters, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur.

## FIRST SCHEDULE

(1)	(2)
<i>Road to which Prohibition Applies</i>	<i>Day and Time of Prohibition</i>
Part of Route 17, Pelabuhan Pasir Gudang	Every day
Road from coordinates N 1.491637,	(except public holidays)
E 103.67526 to coordinates	
N 1.462949, E 103.888095	Morning : 7.00 a.m. to 9.00 a.m.
	Evening : 5.00 p.m. to 7.00 p.m.

SECOND SCHEDULE



THIRD SCHEDULE  
EXEMPTION

1. For the purposes of maintenance, repair, improvement, cleaning and clearance of the part of the road specified in column (1) of the First Schedule.
2. For the purposes of erection, installation, maintenance, alteration or removal of any structure, works, apparatus or any thing in, on, under or over the part of the road specified in column (1) of the First Schedule.
3. For the purposes of being transported on a vehicle other than heavy vehicles.
4. For the purposes of emergency services and enforcement by the Government agencies and local authorities.
5. For the purposes of checking, disposal and delivery of domestic waste by heavy vehicles such as garbage truck, sewerage cleaning truck and sewerage vacuum truck.
6. Where by reason of an emergency, including flood, the use of any road (not being part of the road specified in column (1) of the First Schedule) by a heavy vehicle is rendered impossible or unsuitable, the relevant Officer in Charge of the Police District may, in so far as he considers necessary, allow the heavy vehicle to use the part of the road specified in column (1) of the First Schedule as an alternative road for the period during which the use of the road (not being part of the road specified in column (1) of the First Schedule) by the heavy vehicle continues to be impossible or unsuitable.

Dated 27 March 2019  
[KKR.PUU.110-1/6/15 ]ld.4; PN(PU2)460/C]

BARU BIAN  
*Minister of Works*